

227 nelayan darat terima bantuan tong insulasi

Sinar Harian 12/9/2018 m/s 35

AIR PUTIH - Jabatan Perikanan Terengganu memperuntukkan sebanyak RM50,000 untuk bantuan tong insulasi kepada seramai 227 orang nelayan darat di negeri ini pada tahun ini.

Pengarahnya, Zawawi Ali berkata, pengagihan tong insulasi itu untuk kemudahan nelayan menyimpan hasil ikan yang diperolehi demi menjaga kesegarannya.

"Diharap dengan bantuan yang diterima dapat meningkatkan lagi hasil tangkapan dan pendapatan nela-

yan darat dengan menjual ikan yang lebih berkualiti.

"Kalau kesegaran ikan dapat dijaga, ia juga dapat menarik minat lebih ramai pembeli," katanya.

Katanya, dalam menjamin pendaratan ikan nelayan darat kerjasama orang ramai perlu untuk menjaga ekosistem sungai.

Menurutnya, pelepasan spesies ikan asing ke sungai akan mengganggu keseimbangan biodiversiti di sesuatu kawasan.

"Contohnya ikan-ikan

hiasan yang bersifat pemangsa seperti ikan piranha, pacu, peacock bass dan banyak lagi ikan akan memberi kesan buruk kerana ia cepat membiak dan menjadikan spesies asli di sesuatu kawasan semakin berkurang.

"Jadi kita ingatkan kepada orang awam bahawa sebarang pelepasan ikan atau udang ke perairan sungai, tasik, sawah atau mana-mana perairan hendaklah mendapat khidmat nasihat dari pihak Jabatan Perikanan," katanya.



Zawawi (kiri) meninjau Sungai Kemaman di Kampung Air Putih bersama nelayan darat.